

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]**

**TARIKH : 9 Jun 2014 (Isnin)**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dakwaan laporan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) yang menyifatkan prestasi penjawat awam semakin menurun dan bolehkah PEMANDU menjelaskan kaedah pengukuran dan penilaian yang telah dibuat ke atas sumbangan, peranan dan produktiviti penjawat awam.

**JAWAPAN:** **YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Merujuk kepada laporan berita yang diterbitkan oleh Berita Harian pada 8 Mei 2014 yang bertajuk "CUEPACS sanggah PEMANDU" yang mengandungi dakwaan Presiden CUEPACS (Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam) En Azih Muda, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) telah mengeluarkan kenyataan pada hari yang sama bahawa tuduhan yang dibuat adalah tidak tepat dan tidak benar. PEMANDU tidak pernah menjalankan apa-apa kajian atau membentangkan laporan yang menyifatkan prestasi penjawat awam semakin menurun dalam taklimat seperti yang didakwa.

Sebaliknya, PEMANDU telah menerbitkan laporan tahunan yang memberi perincian pencapaian kementerian setiap tahun sejak tahun 2011 dan baru sahaja mengeluarkan Laporan Tahunan 2013 bagi Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak pada 12 Mei, 2014 di Angkasapuri, Radio Televisyen Malaysia (RTM), Kuala Lumpur.

Laporan Tahunan ini sebagaimana laporan tahunan terdahulu telah memaparkan kisah kejayaan serta cabaran pelbagai kementerian dalam melaksanakan program transformasi untuk menyampaikan hasil yang signifikan. Laporan ini juga menyertakan petikan pengalaman yang dikongsi oleh penjawat awam individu. Sektor awam dan juga sektor swasta menerima pujian sebagai penyumbang utama kepada perjalanan transformasi negara.

Kayu ukur prestasi dan produktiviti penjawat awam adalah Indeks Prestasi Utama (KPI) yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri pada 9 April 2009 ke atas setiap Menteri. Pada tahun lepas, prestasi KPI 7 kementerian peneraju dalam melaksanakan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) ialah 104% dan bagi kementerian-kementerian yang selebihnya yang melaksanakan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (NKRA), KPI yang dicapai ialah 110%. Seperti YB sedia maklum, KPI Menteri ini dilaksanakan oleh penjawat awam. Memandangkan semenjak 2009, secara keseluruhannya prestasi KPI Menteri menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan, maka dengan ini, dirumuskan bahawa prestasi penjawat awam juga telah meningkat.

Sebahagian daripada pencapaian utama yang dilaksanakan oleh perkhidmatan awam termasuk:

1. Tindakan pantas serta pengawalan pasukan polis (Ops Cantas Khas) dalam membanteras jenayah ganas dengan penurunan kes sebanyak 30% dalam tempoh 52 hari pertama operasi dijalankan, diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri.
2. Transformasi di Pusat Onkologi, Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru di mana waktu menunggu bagi terapi sinaran untuk kanser leher telah dikurangkan dari 120 hari kepada 60 hari.
3. Kecekapan yang bertambah baik dalam mengurangkan waktu menunggu dari 45 minit menjadi 15 minit bagi laluan Perkhidmatan Komuter KTM, yang memberi perkhidmatan kepada semua 52 stesen, diterajui oleh Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).
4. Pembinaan jalan sepanjang 4,069 km meskipun menghadapi cabaran pembinaan di kawasan-kawasan terpencil. Projek yang dilaksanakan secara efektif dan tepat pada masanya ini diterajui oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Pencapaian-pencapaian ini membuktikan prestasi cemerlang penjawat awam yang bekerja keras dan berdedikasi, yang menjadi tonggak kepada kementerian-kementerian Malaysia.

Sekian, terima kasih.